

VARIASI KATA SOAL “MENGAPA” DALAM DIALEK KEDAH: SATU ANALISIS SINTAKSIS¹

Fazal Mohamed Mohamed Sultan

fazal@ukm.my

Nurulafiqah Suhaimi

nurulfika85@yahoo.com

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kajian dialek Melayu sebelum ini lebih menumpukan aspek sebutan dan leksikal. Kajian ini pula menumpukan aspek sintaksis, iaitu terhadap kata soal dalam dialek Melayu yang didapati menarik untuk dikaji. Kata soal digunakan bagi membina ayat soal dalam berbagai-bagai penggunaan bahasa termasuk dialek. Kata soal dikatakan mempunyai dua kedudukan, iaitu pada awal atau pada akhir ayat. Justeru, satu tinjauan telah dilakukan melalui kajian lapangan di negeri Kedah yang diwakili sebuah kampung di bahagian timur, barat, utara dan selatan negeri Kedah. Berdasarkan tinjauan, kata soal *mengapa* dalam Dialek Kedah (DK) bukan sahaja mempunyai dua posisi seperti yang dinyatakan, malah turut mempunyai variasi leksikal dalam penggunaan kata soal mengapa seperti *pasai pa*, *awat*, *buat pa*, *rokpa* dan *sebab pa*. Makalah ini akan menghuraikan fenomena kata soal “mengapa” berdasarkan variasi leksikal yang dimiliki dialek ini melalui analisis sintaksis berpandukan kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995). Kajian ini menjelaskan fenomena yang berlaku dalam ayat soal DK berdasarkan faktor OP (Operator) dan VAR (Variabel) serta fenomena [\pm in situ] yang menyebabkan sesuatu kata soal itu in situ atau bergerak. Kajian mendapatkan bahawa Minimalis



FAZAL MOHAMED MOHAMED SULTAN DAN NURULAFIQAH SUHAIMI

boleh “melihat” adjung. Penemuan ini bertentangan daripada pendapat Chomsky.

Kata Kunci: dialek, kata soal, program minimalis, nahu, argumen

Abstract

Previous studies on Malay dialects have focused on pronunciation and lexicality. Syntactic analysis of question words, which comprise one aspect of dialect syntax, is an interesting area to research. This is due to the nature of question words which are used to construct question sentences in various languages including dialects. These question words are usually located in two positions, namely at the beginning or end of a question sentence. Research was conducted through a field study in the state of Kedah, represented by a village in each of the east, west, north and south of the state. As a result of the research conducted, it was found that the question “mengapa” (why) in the Kedah dialect (DK) not only occupied both positions but also displayed lexical variations such as pasai pa, awat, buat pa, rokpa and sebab pa. This article thus describes the phenomenon of the question word mengapa based on the lexical variations of this dialect using syntactic analysis guided by the Minimalist Program framework (Chomsky, 1995). The study describes the question word phenomenon of DK using the OP (Operator) and VAR (Variable) factors and phenomena [\neq in situ] that cause a question word to be in situ or moved. The study found that the Minimalist can “see” the adjunct. This finding contradicts the opinion of Chomsky.

Keywords: dialect, question words, minimalist program, grammar, argument

PENDAHULUAN

Asmah (2008:54) menyatakan bahawa dialek Melayu di Malaysia pada umumnya dibahagikan kepada 12 kawasan dialek, masing-masing dengan subdialeknya. Daripada 12 kawasan tersebut, sembilan daripadanya berada di kawasan Semenanjung Malaysia dan tiga lagi di kawasan Sabah dan Sarawak. Dialek Melayu berdasarkan kawasan tersebut ialah dialek Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu,



VARIASI KATA SOAL “MENGAPA” DALAM DIALEK KEDAH: SATU ANALISIS SINTAKSIS

Kelantan, Sarawak, Brunei dan Kedayan. Dialek boleh dianggap sebagai cabang-cabang kecil dalam sesuatu bahasa kerana mempunyai sedikit perbezaan dengan sesuatu bahasa yang standard. Begitu juga dengan Dialek Kedah (DK) yang mempunyai beberapa perbezaan dengan bahasa Melayu standard. Perbezaan ini bukanlah satu perbezaan yang besar tetapi hanya melibatkan bentuk sebutan, leksikal dan sedikit berkaitan struktur ayatnya.

Namun begitu, penulisan ini akan berfokus pada kelainan dalam bidang sintaksis, iaitu kata soal “mengapa”. Hasil penyelidikan yang telah dilakukan di Baling, Kubang Pasu, Kuala Nerang dan Kubang Rotan di negeri Kedah telah mendapati bahawa kata soal “mengapa” dalam DK mempunyai lima variasi leksikal, iaitu *pasai pa*, *awat*, *buat pa*, *rokpa* dan *sebab pa*. Kelima-lima variasi leksikal ini juga digunakan dalam pelbagai kedudukan yang berfungsi sebagai kata soal bagi membina ayat soal dalam dialek. Makalah ini akan cuba membahaskan kedudukan kata soal, iaitu pada awal dan pada akhir ayat yang bersifat opsyenal secara semula jadi oleh penutur natif di kawasan kajian. Analisis terhadap kata soal ini menggunakan kerangka Minimalis untuk membahaskan kedudukan kata soal dalam ayat soal yang mungkin mempengaruhi pelajar di Utara. Analisis ini akan menjadi panduan kepada pendidik yang mengajar bahasa Melayu di Utara supaya guru dapat membezakan antara nahu deskriptif dan nahu preskriptif.

KATA SOAL “MENGAPA”

Daripada data DK didapati bahawa penggunaan leksikal dalam sesuatu kata soal bersifat unik. Keunikan ini disebabkan variasi penggunaan leksikal yang diwakili bagi sesuatu jenis kata soal berbanding kata soal dalam bahasa standard. Penutur asli DK tidak hanya menggunakan kata soal yang lazim digunakan seperti dalam bahasa Melayu standard (BS), malah mereka mempunyai kosa kata yang tersendiri dalam mengujarkan ayat soal melalui dialek mereka. Antara kata soal yang digunakan dalam DK ialah *sapa* “siapa”, *pa* “apa”, *cemana* “bagaimana”, *lagu mana* “bagaimana”, *pasai pa* “kenapa”, *awat* “kenapa”, *berapa* “berapa”, *bila* “bila” dan *mana* “mana”. Walau bagaimanapun daripada ketujuh-tujuh jenis kata soal yang dinyatakan ini, terdapat satu kata soal dalam BS yang mempunyai lima leksikal penggunaan dalam DK, iaitu kata soal “mengapa”. Penggunaan kata soal “mengapa” tidak wujud dalam DK tetapi telah digantikan dengan leksikal *pasai pa*, *awat*, *buat pa*, *rokpa* dan *sebab pa* seperti dalam ayat (1) hingga (10).

1. **Pasai pa** *pro* mari sini?
Kenapa *pro* datang sini?
Mengapa kamu datang ke sini?

2. **Pasai pa** kucing makan ikan?
Kenapa kucing makan ikan?
Mengapa kucing makan ikan?

3. Motor **pasai pa** tak bawak masuk dalam?
Motosikal kenapa tidak bawa masuk ke dalam?
Mengapa motosikal tidak bawa masuk ke dalam?

4. **Awat** *pro* tak cakap awai?
Kenapa *pro* tak cakap awal?
Kenapa kamu tidak bagi tahu awal?

5. **Awat** *pro* tak kenai plak orang sana?
Kenapa *pro* tak kenal pulak orang sana?
Mengapa pula saya tidak kenal orang sana?

6. **Buat pa** mak tak mari?
Mengapa mak tak datang?
Mengapa ibu kamu tidak datang?

7. **Rokpa** jadi lagu ni?
Mengapa jadi begini?
Mengapa jadi begini?

8. **Sebab pa** ikan mahai?
Kenapa ikan mahal?
Mengapa harga ikan mahal?

9. Dia cakap lagi hulu **sebab pa**?
Dia bercakap lebih pekat kenapa?
Mengapa dia bercakap lagi pekat?

10. Hang mai sini **sebab pa**?
Kamu datang ke sini mengapa?
Mengapa kamu datang ke sini?

VARIASI KATA SOAL “MENGAPA” DALAM DIALEK KEDAH: SATU ANALISIS SINTAKSIS

Kata soal *pasai pa* dalam contoh (1) – (3) membuktikan bahawa kata soal ini hanya hadir pada awal ayat sahaja. Selain kata soal ini, kata soal *awat* dalam ayat (4) – (5), kata soal *buat pa* dalam ayat (6) dan kata soal *rokpa* dalam ayat (7) juga hanya hadir pada awal ayat sahaja. Kata soal *sebab pa* dalam (8) hadir pada awal ayat soal, manakala dalam ayat (9) dan (10) kata soal ini berada pada akhir ayat. Semua kata soal “mengapa” dalam DK, iaitu *pasai pa*, *awat*, *buat pa*, *rokpa* dan *sebab pa* menduduki posisi awal ayat, manakala hanya kata soal *sebab pa* (8), (9) dan (10) mempunyai dua posisi, iaitu posisi awal dan posisi akhir dalam ayat.

Ayat (1), (4) dan (5) mempunyai pengguguran subjek, iaitu dinamakan *pro*. *Pro* merupakan salah satu aspek dalam prinsip kategori kosong (*empty category principle*) yang lebih dikenali sebagai ECP. *Pro* merupakan subjek yang digugurkan dalam sesuatu ayat atau frasa. Haegeman (1994) menyatakan bahawa sesuatu bahasa yang mempunyai kata ganti nama (KGN) di bahagian kiri tetapi tidak dinyatakan dipanggil *Pro-drop languages* (bahasa pengguguran *pro*) yang menggugurkan KGN sebagai subjek. Salah satu bahasa yang dikategorikan sebagai *pro-drop languages* ialah bahasa Sepanyol. Contohnya dalam ayat (11) dan (12) berikut:

11 (i) *pro* vimos a Juan.

 ⊥ (we) see Juan

 “Kami nampak Juan”.

12 (i) *pro* baila bien.

 ⊥ (he/she) dances well

 “Dia menari dengan baik”.

Dalam contoh (11–12) ⊥ merupakan tanda bagi menyatakan bahawa KGN dalam ayat ini digugurkan. Ayat bahasa Melayu juga mempunyai *pro* seperti yang pernah dibincangkan dengan terperinci oleh Mashudi Kader (1981), (2003) dan Rogayah Hj. Abdul Razak (1995).

Kedudukan kata soal *sebab pa* pada akhir ayat (9) dan (10) tidak disebabkan mana-mana faktor atau penanda. Hanya kata soal *sebab pa* sahaja yang dipilih oleh penutur natif untuk dituturkan pada posisi awal dan akhir ayat. Terdapat persamaan yang ketara antara kata soal “mengapa” dalam bahasa Melayu standard dengan kata soal “mengapa” dalam DK. “Nahu Pegangan” yang digelar terhadap *Tatabahasa Dewan* menyatakan bahawa kata soal “mengapa” akan berada pada kedudukan awal ayat dengan kehadiran partikel *–kah* untuk bahasa tulisan. Pernyataan ini dapat dibuktikan dengan ayat 13.



FAZAL MOHAMED MOHAMED SULTAN DAN NURULAFIQAH SUHAIMI

13. Mengapakah dia menangis semalam?

(Sumber: *Tatabahasa Dewan*, 2004)

Menurut nahu pegangan ini, kata soal “mengapa” berada di kedudukan awal ayat dan mesti disertai partikel *-kah*. Walau bagaimanapun, kata soal “mengapa” tidak boleh berada pada akhir ayat. Ayat (14) berikut menggunakan kata soal “mengapa” di akhir ayat.

14. *Dia menangis semalam **mengapa**?

Ayat (14) dilabelkan tidak gramatis kerana dalam buku nahu ini, tidak wujud kedudukan kata soal “mengapa” pada akhir ayat. Justeru, persamaan ketara yang disebutkan tadi berdasarkan kedudukan kata soal “mengapa” dalam bahasa Melayu standard dengan kata soal *pasai pa, awat, buat pa, rokpa* dan *sebab pa* dalam DK yang berkedudukan pada awal ayat. Hal ini berbeza dengan ayat (9) dan (10) yang berada pada akhir ayat dan tidak dapat bersekutu dengan bahasa Melayu standard. Persoalannya ialah apakah yang mempengaruhi fenomena sebegini? Fenomena ini dijangkakan tercetus kerana kata soal *sebab pa* dalam DK adalah bersifat opsyenal dan akan diulas dengan lebih lanjut menggunakan Program Minimalis mengikut kerangka Adger (2004).

BINAAN UMUM KATA SOAL

Secara umumnya, Nahu Sejagat (NS) memiliki beberapa prinsip dan parameter seperti yang pernah dibahaskan oleh Chomsky (1995, 1998, 1999, 2001) serta Cole dan Hermon (1994, 1998). Prinsip-prinsip dalam NS adalah seperti Teori Teta, Teori Semakan dan Prinsip Interpretasi Penuh (IP) (*Full Interpretation*). Salah satu prinsip yang diambil daripada gagasan Cole dan Hermon (1998) ialah prinsip IP melalui NS, iaitu:

- (1) IP memerlukan semua elemen yang memiliki interpretasi semantik wajib hadir pada Bentuk Logik dan semua elemen yang hadir pada Bentuk Logik wajib mengambil bahagian dalam menandakan interpretasi.

Oleh yang demikian, Cole dan Hermon (1998)² telah menyarankan Angkubah Tambatan (*Variable Binding Condition*). Maksudnya di sini, Operator (OP) akan mengikat angkubah (x) dalam keadaan tertentu. Cole dan Hermon (1998) telah mengadaptasi rumus seperti yang berikut.

VARIASI KATA SOAL “MENGAPA” DALAM DIALEK KEDAH: SATU ANALISIS SINTAKSIS

(2) OP x [. . x . . .]

Cole dan Hermon (1998) juga telah menyarankan beberapa parameter dan pilihan berdasarkan Angkubah Tambatan tersebut. Sekiranya kata soal tersebut bergerak maka OP dan VAR terdapat dalam satu entri untuk membawa kata soal menduduki spek Fkomp dan sekiranya kata soal bersifat *in situ* dalam ayat yang mempunyai Kata Kerja Tak Transitif (KKTT), ini bermakna OP dan VAR berada dalam entri yang tersendiri dan terpisah. Kedua-dua fenomena ini akan dijelaskan lebih lanjut dalam rumus struktur bagi kata soal *in situ* dan bergerak dalam Jadual 1 dan 2 selanjutnya.

Angkubah Tambatan mempunyai beberapa parameter bagi menjelaskan fenomena yang terdapat dalam DK seperti yang dibincangkan di atas. Saranan Cole dan Hermon (1998) terhadap Angkubah Tambatan ini dapat diringkaskan dan di adaptasi seperti Jadual 1³ yang berikut:

Jadual 1 Ringkasan kata soal *in situ* DK.

Binaan Ayat Soal	Fitur yang Dimiliki Matrik Q	Jenis Kata Soal Frasa	Kesan
In situ	KUAT Q[OP.. ..VAR]		Tambatan Tak Terpilih

Dalam jenis binaan ayat *in situ* yang diringkaskan melalui Jadual 1, jenis pembinaannya ialah [OP.. ..VAR]. Maka, OP dan VAR berada dalam entri tersendiri dan terpisah. Binaan ayat soal *in situ* ini tidak akan memindahkan kata soalnya semasa pembentukan ayat soal. Ini bermakna, kata soal terdaftar sebagai sebuah entri dalam leksikon dan berbentuk abstrak (*null*) kerana tidak ada bentuk fonologinya.


Jadual 2 Ringkasan kata soal bergerak DK.

Binaan Ayat Soal	Fitur yang Dimiliki Matrik Q	Jenis Kata Soal Frasa	Kesan
wh-movement	KUAT Q	[OP+VAR]	Pergerakan Jelas

Jadual 2 pula merupakan ringkasan daripada konstruksi ayat soal bergerak dalam Dialek Bahasa Melayu Utara (DBMU). Jika kata soal di dalam DBMU bergerak, maka pada leksikon [OP+VAR] terdapat di dalam satu entri dan akan melakukan pergerakan (*movement*), iaitu Operator dan Variabelnya berpindah di dalam pembentukan ayat soal tersebut. Kata soal yang bergerak di dalam DK seperti contoh yang akan dianalisis merupakan kata soal yang terdaftar dalam leksikon sebagai sebuah entri.

KERANGKA PROGRAM MINIMALIS

Kajian ini akan menerapkan kerangka teori Transformasi Generatif (TG), iaitu Program Minimalis (Chomsky, 1995). Pendekatan ini dikatakan mampu menjawab dua soalan, iaitu (1) bagaimana linguistik berupaya menjelaskan pengetahuan tentang sesuatu bahasa yang terdapat dalam leksikon manusia, (2) bagaimana sesuatu pengetahuan itu muncul atau ada dalam diri seseorang. Kemunculan Program Minimalis merupakan satu lagi tahap perkembangan dalam TG yang secara umumnya bermatlamat untuk mencapai tahap kepadaan penjelasan (*explanatory adequacy*) dalam menghuraikan ciri dan sifat bahasa semula jadi (*natural language*). Sejak tahun 1965 hingga pertengahan tahun 1970-an, TG tertumpu pada pelbagai rumus transformasi untuk setiap binaan sintaksis yang ada dalam sesuatu bahasa. Rumus transformasi yang terlalu banyak bilangan dan terperinci menyebabkan penutur sukar untuk menentukan rumus yang sesuai dalam setiap keadaan. Dalam program ini, prinsip ekonomi mendasari kerangka generatif dalam kajian sesuatu bahasa. Antara prinsip ekonomi yang diperkenalkan dalam program ini ialah Pergerakan Terdekat (*Shortest Move*), Penangguhan (*Procrastinate*), Jalan Terakhir (*Last Resort*) dan Ketamakan (*Greed*). Berdasarkan pertimbangan secara umum, Program Minimalis ini secara teorinya cuba membentuk pemahaman yang lebih mudah, ekonomi, seimbang dan tidak lewah bersesuaian dengan matlamat TG dalam membina tatabahasa sejagat yang bersifat ekonomis. Rentetan itu, Chomsky (1981) telah memperkenalkan rumus melalui teori Tatabahasa Sejagat (*Universal Grammar*)⁴. Perubahan besar dalam TG ini melibatkan satu perubahan penting yang membezakan rumus ini dengan teori sebelum ini, iaitu penekanan Prinsip Ekonomi. Rajah 1 yang berikut merupakan model tatabahasa dalam Program Minimalis:




Rajah 1 Model tatabahasa dalam Program Minimalis.

VARIASI KATA SOAL “MENGAPA” DALAM DIALEK KEDAH: SATU ANALISIS SINTAKSIS

Andaian mengikut Program Minimalis ini mengatakan bahawa Bentuk Fonetik (BF) dan Bentuk Logik (BL) ialah konsep yang menjadi kemestian. Mengapakah andaian dalam Program Minimalis ini begini? Menurut Chomsky (1995), bahasa manusia terdiri daripada bunyi dan makna, dan kedua-dua itu merupakan titik tolak sesuatu interpretasi dan penghasilannya. Andaian beliau mengatakan bahawa BF merupakan peringkat permukaan. Bunyi akan diinterpretasi sebagai maklumat yang dihantar atau berantara muka dengan sistem persepsi artikulatori (*articulatory perceptual system*), iaitu sistem yang berkaitan dengan bunyi. BL pula berantara muka dengan sistem konseptual intensional (*intentional conceptual system*), iaitu komponen kognitif yang terlibat dalam pentafsiran makna dan pemahaman. Dalam Program Minimalis ini, sesuatu unsur leksikal berasal daripada leksikon. Terdapat satu tempat yang boleh dikatakan sebagai fakulti bahasa, iaitu Sistem Komputasi Bahasa Manusia⁵ [*Computational System of Human Language (C_{HL})*] (Chomsky, 1995a). Sistem ini kemudian akan mengkomputasikan unsur ini melalui penyemakan fitur-fitur nahan yang terdapat pada unsur kepala, spesifier dan komplemen leksikal ini. Apabila proses pengkomputasian ini selesai pada tahap “cetusan”, unsur ini telah siap untuk dicetuskan kepada BF ataupun BL untuk diinterpretasi.

REPRESENTASI SINTAKSIS DALAM PROGRAM MINIMALIS

Berdasarkan maklumat sebelum ini, Program Minimalis ini mempunyai dua komponen utama, iaitu BL dan BF setelah mengambil kira prinsip ekonomi yang telah dibaharui. Representasi sintaksis dalam program ini juga mengandungi Leksikon dan Cetusan Operasi (*Spell Out*). Leksikon merupakan stor penyimpanan maklumat leksikal yang diperlukan, manakala Cetusan Operasi (*Spell Out*) pula merupakan aras atau tingkat sebelum operasi sintaksis BF dan BL untuk menentukan maklumat yang dihasilkan gagal (*crash*) atau tidak. Rajah 2 dapat menjelaskan andaian fenomena yang berlaku dalam Program Minimalis.



Rajah 2 Representasi sintaksis dalam Program Minimalis.

Operasi sintaksis yang berlaku pada tahap sebelum Cetusan (*Spell Out*), dikenali sebagai Sintaksis Nyata (*Overt Syntax*) dan operasi yang berlaku selepas Cetusan (*Spell Out*) dikenali sebagai Sintaksis Tak Nyata (*Covert Syntax*). Selepas Cetusan, fitur fonetik akan diproses oleh BF dan fitur semantik akan diproses oleh BL untuk menghasilkan representasi BF dan representasi BL.

ANALISIS SINTAKSIS KATA SOAL “MENGAPA”

Berdasarkan perbincangan terhadap variasi kata soal “mengapa” yang sememangnya mempunyai fenomena opsyenal, satu analisis menggunakan kerangka Minimalis cuba dilakukan bagi mendapatkan huraian terhadap pemilihan kedudukan penggunaan kata soal “mengapa” dalam DK. Oleh yang demikian, penulis akan memberikan huraian berdasarkan salah satu contoh dalam tiap-tiap variasi yang dinyatakan, iaitu *pasai pa*, *awat*, *buat pa*, *rokpa* dan *sebab pa*.

Ayat Soal *Pasai Pa*

Analisis pertama yang dibincangkan akan melibatkan salah satu daripada kata soal dalam dialek Utara ini, iaitu *pasai pa*. Contoh ayat (2) digunakan dalam analisis ini dan ditandakan sebagai ayat (15).


15. **Pasai pa** kucing makan ikan?

Sebab apa kucing makan ikan?

Mengapa kucing makan ikan?

VARIASI KATA SOAL “MENGAPA” DALAM DIALEK KEDAH: SATU ANALISIS SINTAKSIS

Ayat (15) ditandakan sebagai Rajah 3 seperti di bawah:



Rajah 3 Ayat soal *pasai pa*.

Rajah 3 di atas merupakan rajah yang direpresentasikan daripada contoh ayat (2) yang mewakili kata soal “mengapa”. Dalam DBMU, kata *pasai pa* digunakan bagi mewakili maksud “mengapa”. Kata soal *pasai pa* menduduki posisi adjung pada Frasa Kerja (FK). Hal ini kerana Kata Kerja (KK) *makan* yang berada di posisi FK merupakan Kata Kerja Transitif (KKT), iaitu yang memerlukan objek sebagai pelengkap dan perkataan *ikan* menjadi pelengkapnya. Oleh yang demikian, kata soal *pasai pa* tidak akan diberikan

peranan teta. KK *makan* akan menjadi bekas kerana FK telah diprojeksikan kepada k' dan seterusnya memilih k kecil untuk diletuskan kepada dua. K di sebelah kiri diisi *makan* dan di bahagian kanan pula diisi kala yang tidak berinterpretasi. k' yang bergabung dengan kata *kucing* bekas bagi memenuhi pemilihan fitur uN akan membentuk Fk. Apabila Fk terbentuk, KALA [jenis uklausa:Q] bergabung dengannya. KALA akan SERASI dengan [uINFL: lepas] kerana mempunyai fitur lepas dan diberikan nilai serta disemak. Selepas cetusan, ayat ini akan dinilai sebagai ayat berkala lepas. KALA [jenis uklausa:Q] akan bergabung dengan Fk untuk membentuk KALA'. KALA' akan bergabung dengan Frasa Nama (FN) *kucing* untuk membentuk Fkala. Pergerakan ini disebabkan Prinsip Pergerakan Tambahan (*Extended Projection Principle*) dan seterusnya EPP.

Bahagian yang dinaungi Fkala ini akan diprojeksikan kepada Komp' yang mempunyai Komp di sebelah kiri yang akan dibahagikan kepada dua, iaitu di sebelah kiri ialah kala [lepas,Q*] manakala di sebelah kanan akan diisi komp [Q, uwh]. Simbol Q* menunjukkan bahawa ayat ini ialah ayat soal. Q* bermaksud fitur ini kuat. Q yang kuat akan menilai [jenis uklausa] pada KALA. Apabila komp [Q] menilai [jenis uklausa] pada KALA sebagai [Q*], kala mesti bergerak bersebelahan komp, iaitu berdasarkan Prinsip Lokaliti. Pergerakan fitur dari KALA ke Komp adalah untuk memenuhi fitur yang kuat [Q*] pada KALA. Disebabkan KALA ialah kepala, maka ia dapat diprojeksikan kepada komp [Q] yang pada asalnya ditulis sebagai komp [Q, uwh*]. Fitur uwh* pada komp[Q] akan dibawa kepada komp'. Disebabkan fitur [uwh*] belum disemak dan merupakan fitur yang kuat, maka kata soal *pasai pa* yang mempunyai fitur [wh] di posisi adjung akan bergerak ke posisi Spek Fkomp untuk menyemak fitur uwh bagi memenuhi EPP. Berdasarkan rumus struktur dalam Jadual 2, jika kata soal dalam DBMU bergerak, maka di leksikon [OP+VAR] terdapat di dalam satu entri dan akan melakukan pergerakan (*movement*), iaitu Operator dan Variabelnya berpindah di dalam pembentukan ayat soal tersebut. Derivasi ini membuktikan bahawa kata soal *pasai pa* merupakan kata soal bukan argumen kerana berada di posisi adjung dan tidak diberikan peranan teta. Satu lagi tanggapan bahawa adjung tidak dilihat dalam derivasi sintaksis ayat ternyata tidak kukuh. Analisis ini telah membuktikan bahawa adjung juga boleh bergerak sekiranya wujud fitur yang kuat pada adjung tersebut.

VARIASI KATA SOAL “MENGAPA” DALAM DIALEK KEDAH: SATU ANALISIS SINTAKSIS

Ayat Soal *Awat*


Seterusnya analisis tentang “mengapa” diteruskan dengan variasinya yang kedua, iaitu *awat*. Analisis ini menggunakan ayat (4) yang ditandakan sebagai ayat (16).

16. ***Awat*** tak cakap awai?

Kenapa tak cakap awal?

Kenapa kamu tidak bagi tahu awal?

Ayat (16) ditandakan seperti dalam Rajah 4:



Rajah 4 Ayat soal *awat*.

Rajah 4 merupakan rajah yang direpresentasikan daripada contoh ayat (16) yang mewakili kata soal “mengapa”. Dalam DBMU, kata *awat* digunakan bagi mewakili maksud “mengapa”. Kata soal *awat* menduduki posisi adjung pada FK. Hal ini kerana KK *cakap* yang berada di posisi FK merupakan KKTT, iaitu yang tidak memerlukan pelengkap. Kata soal *awat* juga tidak akan diberikan peranan teta kerana menduduki posisi adjung FK seperti yang terdapat dalam rajah. KK *cakap* akan menjadi bekas kerana FK telah diprojeksikan kepada k’ dan seterusnya memilih k kecil untuk diletuskan kepada dua. K di sebelah kiri diisi dengan *cakap* dan dibahagian kanan pula diisi kala yang tidak berinterpretasi. k’ yang bergabung dengan *pro* dan membentuk Fk. Apabila Fk terbentuk, kata nafi *ta*k bergabung dengannya. Kata nafi SERASI dengan [uINFL: lepas] kerana mempunyai fitur kini dan diberikan nilai serta disemak. Selepas cetusan, ayat ini akan dinilai sebagai ayat berkala kini. KALA [jenis uklausa:Q] yang mempunyai fitur kala kini akan bergabung dengan FNafi untuk membentuk KALA’. KALA akan diprojeksikan terus kepada Fkala apabila bergabung dengan *pro*. Bahagian yang dinaungi Fkala ini akan diprojeksikan kepada Komp’ yang mempunyai Komp di sebelah kiri. Komp dibahagikan kepada dua, iaitu di sebelah kiri ialah kala [lepas,Q*] sebelah kanan akan diisi komp [Q]. Simbol Q* menunjukkan bahawa ayat ini ialah ayat soal. Q yang kuat akan dinilai sebagai [jenis uklausa] pada KALA’. Apabila komp [Q] nilailai [jenis uklausa] pada KALA’ sebagai [Q*], kala mesti bergerak bersebelahan komp, iaitu berdasarkan Prinsip Lokaliti. Pergerakan fitur dari KALA ke Komp adalah untuk memenuhi fitur yang kuat [Q*] pada KALA.

Disebabkan KALA’ ialah kepala, maka ia dapat diprojeksikan kepada komp [Q] yang pada asalnya ditulis sebagai komp [Q, uwh*]. Fitur uwh* pada komp[Q] akan dibawa ke komp’. Disebabkan fitur [uwh*] belum disemak dan fitur yang kuat, maka kata soal *awat* yang mempunyai fitur [wh] di posisi adjung akan bergerak ke posisi Spek Fkomp untuk menyemak fitur uwh bagi memenuhi EPP. Berdasarkan rumus struktur dalam Jadual 2, jika kata soal dalam DBMU bergerak, maka di leksikon [OP+VAR] terdapat di dalam satu entri dan akan melakukan pergerakan (*movement*), iaitu Operator dan Variabelnya berpindah di dalam pembentukan ayat soal tersebut. Derivasi ini membuktikan bahawa kata soal *awat* merupakan kata soal bukan argumen kerana berada di posisi adjung dan tidak diberikan peranan teta. Sekali lagi pergerakan adjung membuktikan bahawa Minimalis dapat “melihat” kehadiran dan pergerakan adjung.

VARIASI KATA SOAL “MENGAPA” DALAM DIALEK KEDAH: SATU ANALISIS SINTAKSIS

Ayat Soal *Buat Pa*


Analisis ini diteruskan dengan variasi yang ketiga, iaitu *buat pa*. Kedudukan kata soal ini juga mengambarkan ayat (6) yang ditulis semula sebagai (17) telah bergerak ke posisi hadapan ayat:

17. **Buat pa** mak tak mari?

Mengapa mak tak datang?

Mengapa ibu tidak datang?

Ayat soal (17) ini ditandakan sebagai Rajah 5:



Rajah 5 Ayat soal *buat pa*.

Rajah 5 merupakan rajah yang direpresentasikan ayat (17) yang mewakili kata soal “mengapa”. Dalam DBMU, kata soal *buat pa* digunakan bagi mewakili maksud “mengapa”. Kata soal *buat pa* menduduki posisi adjung pada FK. Hal ini kerana KK *mari* yang berada di posisi FK merupakan KKTT dalam dialek ini, iaitu yang tidak memerlukan pelengkap. Kata soal *buat pa* juga tidak akan diberikan peranan teta kerana menduduki posisi adjung FK seperti yang terdapat dalam rajah. KK *mari* akan menjadi bekas kerana FK telah diprojeksikan kepada k’ dan seterusnya memilih k kecil untuk diletuskan kepada dua. K di sebelah kiri diisi dengan *mari* dan di bahagian kanan pula diisi kala yang tidak berinterpretasi. k’ yang bergabung spek yang memilih kata *Mak* akan membentuk Fk. Apabila Fk terbentuk, kata nafi *tak* bergabung dengannya. Kata nafi SERASI dengan [uINFL: kini] kerana mempunyai fitur kini dan diberikan nilai serta disemak. Selepas cetusan, ayat ini akan dinilai sebagai ayat berkala kini. KALA [jenis uklausa:Q] yang mempunyai fitur kala kini akan bergabung dengan FNafi untuk membentuk KALA’. KALA akan diprojeksikan terus kepada Fkala apabila bergabung dengan spek. Bahagian yang dinaungi Fkala ini akan diprojeksikan kepada Komp’ yang mempunyai Komp di sebelah kiri yang dibahagikan kepada dua, iaitu di sebelah kiri ialah kala [kini,Q*] dan di sebelah kanan akan diisi komp [Q]. Simbol Q* menunjukkan bahawa ayat ini ialah ayat soal. Q yang kuat akan dinilai sebagai [jenis uklausa] pada KALA’. Apabila komp [Q] menilai [jenis uklausa] pada KALA’ sebagai [Q*], kala mesti bergerak bersebelahan komp, iaitu berdasarkan Prinsip Lokaliti. Pergerakan fitur dari KALA ke Komp adalah untuk memenuhi fitur yang kuat [Q*] pada KALA.

Disebabkan KALA’ ialah kepala, maka ia dapat diprojeksikan kepada komp [Q] yang pada asalnya ditulis sebagai komp [Q, uwh*]. Fitur uwh* pada komp[Q] akan dibawa kepada komp’. Disebabkan fitur [uwh*] belum disemak dan fitur yang kuat, maka kata soal *buat pa* yang mempunyai fitur [wh] di posisi adjung akan bergerak ke posisi Spek Fkomp untuk menyemak fitur uwh bagi memenuhi EPP. Berdasarkan rumus struktur dalam Jadual 2, jika kata soal dalam DBMU bergerak, maka pada leksikon [OP+VAR] terdapat di dalam satu entri dan akan melakukan pergerakan (*movement*), iaitu Operator dan Variabelnya berpindah di dalam pembentukan ayat soal tersebut. Derivasi ini membuktikan bahawa kata soal *buat pa* merupakan kata soal bukan argumen kerana berada di posisi adjung dan tidak diberikan peranan teta. Malah kata soal yang berada di posisi adjung ini juga telah bergerak.

VARIASI KATA SOAL “MENGAPA” DALAM DIALEK KEDAH: SATU ANALISIS SINTAKSIS

Kata Soal *Rokpa*


Analisis diteruskan terhadap kata soal *rokpa*, iaitu satu lagi variasi bagi *mengapa*. Analisis ini melibatkan ayat (7) yang ditulis semula sebagai ayat (18).

18. **Rokpa** jadi lagu ni?

Mengapa jadi begini?

Mengapa jadi begini?

Ayat (18) ini ditandakan sebagai Rajah 6 seperti di bawah:



Rajah 6 Kata soal *rokpa*.

Rajah 6 merupakan rajah yang direpresentasikan daripada contoh ayat (18) yang mewakili kata soal “mengapa”. Dalam DBMU, kata *rokpa* juga digunakan bagi mewakili maksud “mengapa”. Kata soal *rokpa* menduduki posisi adjung pada FK. Hal ini kerana KK *jadi* yang berada di posisi FK merupakan KKT, iaitu yang memerlukan pelengkap dan perkataan *lagu ni* menjadi pelengkapnya. Oleh yang demikian, kata soal *rokpa* tidak akan diberikan peranan teta. KK *jadi* akan menjadi bekas kerana FK telah diprojeksikan kepada k’ dan seterusnya memilih k kecil untuk diletuskan kepada dua. K di sebelah kiri diisi *jadi* dan dibahagian kanan pula diisi kala yang tidak berinterpretasi. k’ yang bergabung dengan *pro* akan membentuk Fk. Apabila Fk terbentuk, KALA [jenis uklausa:Q] bergabung dengannya. KALA akan SERASI dengan [uINFL: lepas] dan diberikan nilai serta disemak. Selepas cetusan, ayat ini akan dinilai sebagai ayat berkala lepas. KALA [jenis uklausa:Q] yang mempunyai fitur kala lepas akan bergabung dengan Fk untuk membentuk KALA’. KALA akan diprojeksikan terus kepada Fkala apabila bergabung dengan *pro*.

Bahagian yang dinaungi Fkala ini akan diprojeksikan kepada Komp’ yang mempunyai Komp di sebelah kiri yang akan dibahagikan kepada dua, iaitu di sebelah kiri kala [lepas Q*] sebelah kanan akan diisi komp [Q]. Simbol Q* menunjukkan bahawa ayat ini ayat soal. Q yang kuat akan dinilai sebagai [jenis uklausa] pada KALA’. Apabila komp [Q] menilai [jenis uklausa] pada KALA’ sebagai [Q*], kala mesti bergerak bersebelahan komp, iaitu berdasarkan Prinsip Lokaliti. Pergerakan fitur dari KALA ke Komp adalah untuk memenuhi fitur yang kuat [Q*] pada KALA. Disebabkan KALA’ ialah kepala, maka ia dapat diprojeksikan kepada komp [Q] yang pada asalnya ditulis sebagai Komp [Q, uwh*]. Fitur [uwh*] pada Komp[Q] akan dibawa kepada Komp’. Disebabkan fitur [uwh*] belum disemak dan merupakan fitur yang kuat, maka kata soal *rokpa* yang mempunyai fitur [wh] di posisi adjung akan bergerak ke posisi Spek Fkomp untuk menyemak fitur uwh bagi memenuhi EPP. Berdasarkan rumus struktur dalam Jadual 2, jika kata soal dalam DBMU bergerak, maka pada leksikon [OP+VAR] terdapat di dalam satu entri dan akan melakukan pergerakan (*movement*), iaitu Operator dan Variabelnya berpindah di dalam pembentukan ayat soal tersebut. Derivasi ini membuktikan bahawa kata soal *rokpa* merupakan kata soal bukan argumen kerana berada di posisi adjung dan tidak diberikan peranan teta. Oleh yang demikian, variasi kata soal “mengapa” ini juga memiliki sifat yang sama seperti variasi “mengapa” yang lain.


Kata Soal *Sebab Pa*

Keempat-empat jenis variasi kata soal ini telah diuraikan dalam Rajah 3, 4, 5 dan 6, yang telah menggambarkan bahawa kesemua variasi itu ialah kategori kata soal bergerak. Seterusnya, dibincangkan pula variasi kata soal “mengapa” yang berkedudukan in situ dalam rajah. Ayat (10) ditandakan sebagai ayat (19) dalam analisis ini.

19. Hang mai sini **sebab pa?**

Kamu datang ke sini mengapa?
Mengapa kamu datang ke sini?

Ayat (19) ini pula ditandakan sebagai Rajah 7 seperti di bawah:



Rajah 7 Kata soal *sebab pa*.

Contoh terakhir bagi variasi kata soal “mengapa”, iaitu *sebab pa* ini dapat dilakarkan seperti Rajah 7 di atas. Dalam rajah ini, kata soal *sebab pa* ini berada di posisi adjung FK. KK *mai* dalam dialek ini didakwa sebagai KKTT yang tidak memerlukan pelengkap dan tidak memberikan peranan tetakepadamaklumat tambahan *sini* yang juga berada di posisi adjung. Posisi FK yang diisi dengan *mai* akan menjadi bekas kerana telah diprojeksi kepada k’ dan seterusnya memilih k kecil untuk diletuskan kepada dua. K di sebelah kiri diisi *mai* dan dibahagian kanan pula diisi kala yang tidak berinterpretasi. Dari hierarki projeksi k’ akan diprojekkan pula kepada Fk yang akan memilih KGN <hang> bagi memenuhi pemilihan fitur N pada k yang telah diprojeksi kepada k’. KGN tersebut merupakan subjek dan berada di posisi spek Fk sebelum menjadi bekas apabila bergerak ke spek Fkala. Apabila Fk terbentuk, KALA[jenis uklausa:Q] akan SERASI dengan [uINFL:lepas] dan dapat disemak serta diberikan nilai. Selepas cetusan, ayat ini mempunyai kala lepas. KGN ini seterusnya bergerak ke posisi Spek Fkala untuk menyemak fitur uN pada kala’ bagi memenuhi EPP. Bahagian yang dinaungi Fkala ini akan diprojeksi kepada Komp’ yang mempunyai Komp di sebelah kiri yang akan dibahagikan kepada dua, iaitu di sebelah kiri ialah kala [lepas,Q*] di sebelah kanan akan diisi Komp [Q]. Komp’ seterusnya akan diprojeksi kepada Fkomp yang mempunyai Operator Kosong (*Null Operator*) yang ditulis sebagai OP, iaitu di bahagian kirinya. Simbol Q* menunjukkan bahawa ayat ini ialah ayat soal. Q yang kuat akan dinilai sebagai [jenis uklausa] pada KALA’. Apabila Komp [Q] menilai [jenis uklausa] pada KALA’ sebagai [Q*], kala mesti bergerak bersebelahan komp, iaitu berdasarkan Prinsip Lokaliti. Pergerakan fitur dari KALA ke Komp adalah untuk memenuhi fitur yang kuat [Q*] pada KALA.

Disebabkan KALA’ ialah kepala, maka ia dapat diprojeksi kepada komp [Q] yang pada asalnya ditulis sebagai Komp [Q, uwh*]. Komp [Q, uwh*] dapat menyemak fitur [uwh] dengan kata soal *cemana* [D, wh] di bawah Perintah-K, iaitu Keserasian. Secara teknikalnya, prinsip lokaliti ini telah dipaksa oleh kekuatan fitur [uwh*] yang menyebabkan fitur ini berada di kedudukan Komp’ untuk memenuhi EPP. Apabila [wh] telah bergabung (*merge*) bersama Komp’, hubungan ini dinamakan adik-beradik (*sisterhood*) dengan fitur-wh yang kuat. Disebabkan penyemakan telah dilakukan maka fitur yang dimiliki kata soal *sebab pa* tidak akan bergerak sehingga cetusan berlaku dan spek Fkomp diisi OP. Hal ini kerana, kesemua fitur telah disemak dan diberi nilai. Berdasarkan struktur rumus dalam Jadual 1 yang dibincangkan sebelum ini, apabila OP dan

VARIASI KATA SOAL “MENGAPA” DALAM DIALEK KEDAH: SATU ANALISIS SINTAKSIS

VAR merupakan entri yang berasingan, maka ayat ini akan menjadi in situ kerana tidak mengalami apa-apa pergerakan pada BL. Dalam fenomena ini, kata soal *sebab pa* merupakan variabel yang diikat oleh OP. Kata soal juga terdaftar sebagai satu entri lain yang bersifat abstrak (*null*) kerana tidak mempunyai bentuk fonologinya. Derivasi yang ditunjukkan ini seterusnya dapat menunjukkan bahawa kata soal *sebab pa* dalam ayat ini juga merupakan kata soal bukan argumen kerana berada di posisi adjung dan bersifat in situ selepas cetusan. Kata soal ini juga membuktikan bahawa kata soal dalam DBMU ini juga boleh bersifat in situ.

KESIMPULAN

Penulisan ini telah menghuraikan fenomena variasi kata soal “mengapa” dengan analisis yang ditunjukkan. Hasil analisis mendapati kata soal “mengapa” merupakan kata soal bukan argumen berdasarkan huraian yang diberikan di atas. Kajian ini berjaya membuktikan bahawa variasi kata soal “mengapa” juga wujud di kedudukan in situ atau akhir ayat berdasarkan data murni yang dikutip secara langsung daripada penutur natif DK. Analisis sintaksis adalah analisis terbaik untuk menjelaskan dan seterusnya menyokong kewujudan fenomena ini supaya data yang digunakan lebih diyakini. Dalam analisis sintaksis didapati bahawa Komp’ sememangnya mempunyai fitur [uwh] yang kuat tetapi kekuatan berkenaan tidak menjadi penyebab kata soal tersebut bergerak ke posisi spek Fkomp dalam DK. Sebaliknya, analisis ini telah menunjukkan bahawa dalam jenis binaan ayat in situ jenis pembinaannya adalah [OP.. ...VAR]. Maka, OP dan VAR berada dalam entri tersendiri dan terpisah. Binaan ayat soal in situ ini tidak akan memindahkan kata soalnya semasa pembentukan ayat soal. Ini bermakna, kata soal terdaftar sebagai sebuah entri dalam leksikon dan berbentuk abstrak (*null*) kerana tidak ada bentuk fonologinya. Sebaliknya, jika kata soal dalam DK bergerak, maka pada leksikon [OP+VAR] terdapat di dalam satu entri dan akan melakukan pergerakan (*movement*), iaitu Operator dan Variabelnya berpindah di dalam pembentukan ayat soal tersebut. Kata soal yang bergerak dalam DK merupakan kata soal yang terdaftar di dalam leksikon sebagai sebuah entri. Kedudukan kata soal ini yang boleh berada di kedudukan in situ dan bergerak hanya untuk membuktikan bahawa bahasa ini tidak bersifat tetap dan sentiasa berubah-ubah. Hal ini bersesuaian dengan sifat bahasa itu sendiri yang “hidup” tanpa dipaksa untuk berada dalam sesuatu keadaan tertentu.

Nota

- ¹ Kajian ini dibiaya oleh dana FRGS: UKM-SK-05-FRGS0006-2008.
- ² Penelitian Cole dan Hermon (1995, 1998) terhadap bahasa Austronesia, iaitu bahasa Melayu atau Indonesia adalah seperti kajian bahasa di Malagasy, kawasan barat Austronesia yang dituturkan oleh penduduk di Madagascar melalui kajian Joachim Sabel (2003) (dlm. Cedric Boeckx dan Kleanthes K. Grohmann, 2003).
- ³ Rujuk Cole dan Hermon (1995,1998) untuk lebih lanjut.
- ⁴ Tatabahasa sejagat ialah sistem semua bahasa secara umum yang boleh digunakan untuk bahasa tertentu dan merentas semua bahasa manusia di dunia.
- ⁵ Sistem komputasi merupakan sistem nahu dalaman (internal) yang mewakili fakulti bahasa manusia, yang beroperasi secara cekap, optimal dan ekonomis. Ia boleh diumpamakan sebagai satu jentera bahasa yang menjana derivasi sintaksis yang berlaku.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boeckx, C & Grohmann, K.K., 2003. *Multiple Wh-fronting*. Amsterdam: John Benjamin Publishing Co.
- Chomsky, N., 1995. *Minimalist Program*. Cambridge: MIT Press.
- Cole, P., Hermon, G.& Sung, Li May, 1990. “Principles and Parameter of Long Distance Reflexives” dlm. *Linguistic Inquiry*. 21:1–22.
- Cole, P & Hermon, G. 1994. “Is there LF-movement?” dlm. *Linguistic Inquiry*. 25:239–62.
- Cole, P & Hermon, 1998. “The Typology of Wh-movement: Wh-movement in Malay” dlm. *Syntax* 1(3):221–58.
- Epstein, S. D. & Hornstein, N.(ed.), 1999. *Working Minimalism*. London: The MIT Press Cambridge.
- Fazal Mohamed B. Mohamed Sultan, 2005. *Analisis Sintaksis ke atas Enklitik “-nya” dalam Bahasa Melayu*. Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Frank, S., 1997. “South Slavic Clitic Placement is Still Syntactic”. Kertas dibentangkan dalam Penn Linguistic Colloquium, University of Pennsylvania, Philadelphia.
- Frank, S., 1998. “Clitics in Slavic”. Kertas kerja dibentangkan dalam Workshop on Comparative Slavic Morphosyntax, Indiana University, Bloomington.
- Haegeman, L., 1994. *Introduction to Government & Binding Theory*. UK: Blackwell Publishers.

VARIASI KATA SOAL “MENGAPA” DALAM DIALEK KEDAH: SATU ANALISIS SINTAKSIS

- Kamus Linguistik, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mashudi Kader, 1981. *The Syntax of Malay Interrogatives*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mashudi Kader, 2003. “Kategori Kosong Pro yang Berfungsi Frasa Nama” dlm. *Jurnal Bahasa*. 3(9): 391–416.
- Rogayah Hj. Abdul Razak, 1995. *The Syntax and Semantics of Quantification in Malay: A Government and Binding Approach*. Tesis Doktor Falsafah. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Tatabahasa Dewan, 2004. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.